

10/09/1998

Hospital Pantai bakal miliki bangunan baru

HOSPITAL Pantai Bhd (Hospital Pantai) dijangka menggunakan kemudahan bangunan hospital barunya di Bukit Pantai, Kuala Lumpur yang membabitkan perbelanjaan keseluruhan RM100 juta pada suku kedua tahun 2000.

Pembinaan hospital terbabit yang akan dimulakan sekitar November dan Oktober depan adalah sebahagian daripada usaha pengembangan Hospital Pantai dalam menyediakan kemudahan rawatan untuk pasaran Lembah Klang dan Bangsar di Kuala Lumpur.

Pengerusi Eksekutif Hospital Pantai, Mokhzani Mahathir, berkata bangunan baru itu yang akan dibina bersebelahan hospital sedia ada akan menyediakan kemudahan perubatan terkini dengan tumpuan kepada rawatan kanak-kanak dan wanita.

"Pembukaan hospital terbabit dijangka mengikut jadual asal kerana kami menepati peraturan ditetapkan Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan," katanya selepas majlis pelancaran logo korporat baru Hospital Pantai di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, dengan peningkatan taraf kemudahan yang bakal disediakan, kos rawatan kepada pesakit dijangka berkurangan kerana kemudahan tersedia membolehkan pesakit mendapat rawatan harian.

Mokhzani berkata, kos keseluruhan pembinaan juga dapat dikurangkan menerusi penggunaan kelengkapan sedia ada.

(END)